

# LAPORAN | 20 TAHUNAN | 23

KOPERASI LADANG  
BERHAD



# ANGGOTA LEMBAGA DAN PENGURUSAN KANAN KOPERASI LADANG BERHAD

## SESI 2023 / 2024



Atas dari kiri (Barisan Belakang)

Encik Zulkifli Mahmood, Haji Mohamad Shariman Alang Ahmad, Haji Mustaffa Ramli, Haji Abd Samah Jamal Haji Mohamad Yusof Deraman, Encik Jalil Ab Aziz, Haji Rahim Haji Harun, Haji Hussein Haji Kasim, Encik Ahmad Nizam Baharudin

Bawah dari kiri (Duduk)

Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin (Ketua Eksekutif) Puan Rokanah Sukrin,  
Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris (Setiausaha) Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli (Pengurus)  
Haji Ahmad Ab Majid (Bendahari) Haji Mohd Sahman Duriat, Encik Muhammad Shahriman Ramli (Naib Ketua Eksekutif)  
Tiada di dalam gambar  
Encik Yusoff Azuddin Maidin

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
i. <b>Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-40</b>	<b>1 – 3</b>
ii. <b>Membentang dan menimbangkan di bawah Seksyen 59 (1) Laporan Anggota Lembaga Koperasi Tahun 2023, Laporan Akaun Beraudit Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2023 <i>(dilampirkan sebagai Lampiran 1)</i></b>	<b>9 – 102</b>
iii. <b>Membentangkan Pandangan Suruhanjaya di bawah Subseksyen 59 (2) Akta Koperasi 1993 ke atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 <i>(dilampirkan sebagai Lampiran 2)</i></b>	<b>105 – 106</b>
iv. <b>Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan 2025 dan pindaan Anggaran Belanjawan 2024 <i>(dilampirkan sebagai Lampiran 3)</i></b>	<b>109</b>
v. <b>Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk mengaudit akaun Koperasi <i>(dilampirkan sebagai Lampiran 4)</i></b>	<b>113</b>



## LAPORAN TAHUNAN 2023

PARA PERWAKILAN,

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI LADANG BERHAD KE-40

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Ladang Berhad Ke-40 akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh : 27 Jun 2024 Hari Khamis  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Ballroom 1, Level 1,  
Tenera Hotel,  
Persiaran Kemajuan,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor.

Mesyuarat dimulakan dengan memilih Pengurus dan Setiausaha Mesyuarat.

Agenda adalah seperti berikut:-

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-39 yang telah diadakan pada 31 Mei 2023.
2. Melantik Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada enam (6) orang anggota perwakilan dan empat (4) orang anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
3. Membentang dan menimbang di bawah Seksyen 59 (1) Laporan Anggota Lembaga Koperasi Tahun 2023, Laporan Akaun Beraudit Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2023 (dilampirkan sebagai Lampiran 1).
4. Membentangkan Pandangan Suruhanjaya di bawah Subseksyen 59 (2) Akta Koperasi 1993 ke atas Akaun-Akaun dan Kunci Kira-Kira Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 (dilampirkan sebagai Lampiran 2).
5. Memilih anggota-anggota Lembaga Koperasi:-

Lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi yang mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir, setelah berkhidmat selama tiga (3) tahun, mengikut peruntukan Fasal 1 Undang-undang Kecil 37, dan kerana layak menawarkan diri mereka untuk dipilih semula. Nama-nama Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti berikut:-



- 5.1 Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli (09254)  
*Wakil Kawasan W.P. Kuala Lumpur.*
- 5.2 Tuan Haji Ahmad Ab. Majid (08433)  
*Wakil Kawasan Melaka.*
- 5.3 Tuan Haji Hussein Kasim (08334)  
*Bebas.*
- 5.4 Encik Yusoff Azudin Maidin (04910)  
*Wakil Kawasan Pulau Pinang.*
- 5.5 Tuan Haji Mohamad Yusof Deraman (08603)  
*Wakil Kawasan Terengganu.*
6. Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan 2025 dan pindaan Anggaran Belanjawan 2024 (dilampirkan sebagai Lampiran 3).
7. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk mengaudit akaun Koperasi (dilampirkan sebagai Lampiran 4).
8. Meluluskan pembayaran dividen bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023 pada kadar 20%.
9. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi:-
  - a. Simpanan Tetap
  - b. Hartanah
  - c. Syer Koperasi dan syer projek (Simpanan Khas)
  - d. Peruntukan yang tidak digunakan bagi pelaburan (a), (b) dan (c) boleh digunakan untuk tujuan pelaburan (a) atau (b).
10. Menentukan had maksimum tanggungan hutang bagi pinjaman yang sedia ada dan pinjaman baru, yang diberi kuasa kepada Anggota Lembaga Koperasi, pada kadar faedah tidak melebihi kadar faedah pasaran wang semasa.
11. Menimbang dan meluluskan bayaran honorarium kepada lima belas Anggota Lembaga Koperasi berjumlah RM150,000.00, seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 65(2)(c) Akta Koperasi 1993.
12. Meluluskan sumbangan untuk maksud kebajikan bagi tahun 2023 berpandukan kepada Undang-undang Kecil 65(2)(d), seperti berikut: -



- 12.1 Tabung Derma dan Pemberian Tertentu, tidak lebih daripada RM100,000.
- 12.2 Tabung Pendidikan KLB, tiada peruntukan dibuat berikutan masih terdapat baki yang mencukupi.

Dengan Perintah Lembaga,

  
MOHD SYAHRULLAI ZAM BIN MOHAMAD ARIS  
Setiausaha

Tarikh: 27 Mei 2024

## LAMPIRAN 1

**MEMBENTANG DAN MENIMBANGKAN  
DI BAWAH SEKSYEN 59 (1) LAPORAN  
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TAHUN  
2023, LAPORAN AKAUN BERAUDIT  
KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023  
DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT  
DALAMAN TAHUN 2023**



# **LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TAHUN 2023**



## 1. PENDAHULUAN

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-40 dan akaun beraudit Koperasi kita bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023.

Untuk makluman, keuntungan bersih tahun semasa sebelum pembahagian ialah berjumlah RM3,629,541 dan peruntukan yang dibuat untuk pembayaran dividen ialah sebanyak RM1,683,330 iaitu bersamaan dengan 20% daripada modal saham anggota pada 30 Jun 2023.

## 2. AKTIVITI SEMASA

### 2.1 Ladang

Prestasi ladang-ladang Koperasi kita di dalam tahun 2023 dan perbandingan dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

#### 2.1.1 Ladang Sungai Ambat

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Hasil BTS (M/T)	36,713	35,393
Hasil jualan (RM)	28,391,363	37,387,107
Harga purata (RM/MT)	773	1,056
Lain-lain pendapatan	67,752	143,802
Perbelanjaan	(18,859,684)	(17,768,685)
Jumlah keuntungan/(kerugian)	9,599,431	19,762,223



### 2.1.2 Ladang Bukit Keramat

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Hasil BTS (M/T)	10,127	12,461
Hasil jualan (RM)	7,969,675	13,568,786
Harga purata (RM/MT)	787	1,089
Lain-lain pendapatan	6,682	11,535
Perbelanjaan	(5,818,014)	(6,520,774)
Jumlah keuntungan/(kerugian)	2,158,343	7,059,547

### 2.1.3 Ladang Sejana

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Hasil BTS (M/T)	2,116	1,204
Hasil jualan (RM)	1,612,979	1,134,426
Harga purata (RM/MT)	762	942
Lain-lain pendapatan	664	1,076
Perbelanjaan	(3,354,404)	(2,216,329)
Jumlah keuntungan/(kerugian)	(1,740,761)	(1,080,827)

## 2.2 Input Pertanian

Prestasi perniagaan input pertanian di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Baja	21,262,234	28,631,758
Racun	16,811,083	10,725,403
Alat komunikasi	21,231	117,660
Peralatan ladang	1,810,322	1,112,791
Peralatan/Barangan Keselamatan	5,462	2,490
Peralatan/Barangan Ternakan	1,434,952	516,140
Peralatan/Barangan Solar	65,963	52,349
Kacang penutup bumi	99,780	43,359
Peralatan/Barangan Tanaman	1,257	5,560
Benih Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran	23	-
Barangan Cenderamata	-	70
Servis Dan Perkhidmatan	449,101	285,917
Tapak Semaian	875	17,075
Jumlah jualan	41,962,283	41,510,571
Jumlah keuntungan/(kerugian)	1,621,911	1,044,337

## 2.3 Ternakan

### 2.3.1 Lembu

Prestasi perniagaan ternakan lembu di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut:-

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah nilai stok	3,432,947	4,563,565

Jumlah jualan	430,127	1,497,780
Jumlah keuntungan/(kerugian)	(2,173,585)	(834,931)

### 2.3.2 Sarang Burung Walit

Prestasi perniagaan sarang burung walit di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah jualan	32,001	29,204
Jumlah perbelanjaan	(43,066)	(36,246)
Jumlah keuntungan/(kerugian)	(11,065)	(7,042)

### 2.4 Tapak Semaian

Prestasi perniagaan tapak semaian sawit di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah jualan	266,705	480,025
Jumlah keuntungan/(kerugian)	1,693	290,617

### 2.5 Hartanah

Prestasi Unit Hartanah di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Pendapatan	505,719	820,434
Jumlah keuntungan/(Kerugian)	(79,890)	214,248

#### 2.6 Projek Khas (Tanaman Durian & Kelapa)

Prestasi projek khas di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah jualan Durian	-	-
Jumlah jualan Kelapa	549	-
Jumlah Perbelanjaan Durian	(154,812)	(156,740)
Jumlah Perbelanjaan Kelapa	(119,012)	(128,139)

#### 2.7 Projek Dron

Prestasi projek dron di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah jualan	176,108	250,667
Jumlah keuntungan/(Kerugian)	(66,303)	41,193

#### 2.8 Projek Sawah Padi

Prestasi projek sawah padi di dalam tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 adalah seperti berikut: -

PERKARA	TAHUN 2023	TAHUN 2022
Jumlah jualan	-	177,001
Jumlah keuntungan/(kerugian)	-	(941,421)

Nota : Anggota Lembaga Koperasi telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan Projek Sawah Padi mulai 1 Januari 2023.



3. ANUGERAH-ANUGERAH YANG DITERIMA TAHUN 2023

Tempat Ke-9 Senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia.

4. PEGAWAI -PEGAWAI KOPERASI (SESI 2023-2024)

Pegawai-pegawai Koperasi yang telah berkhidmat bagi tempoh 31 Mei 2023 hingga 27 Jun 2024 seperti berikut: -

4.1	Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli	-	Pengerusi
4.2	Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris	-	Setiausaha
4.3	Tuan Haji Ahmad Ab Majid	-	Bendahari

5. KEPENTINGAN PARA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Sehingga 31 Disember 2023, tiada Anggota Lembaga Koperasi mempunyai apa-apa kepentingan dalam perniagaan yang dilaksanakan selain daripada pemilikan saham Koperasi kita.

6. GANJARAN PARA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Dalam tahun 2023, elaun bulanan yang dibayar adalah seperti yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-39 yang telah diadakan pada 31 Mei 2023, seperti berikut:

6.1	Pengerusi	RM2,000
6.2	Setiausaha & Bendahari	RM1,500
6.3	Anggota Jawatankuasa Kerja	RM1,250
6.4	Anggota Lembaga	RM1,000

7. TINJAUAN

Lembaga ingin memaklumkan bahawa:-

7.1 Dalam tahun 2023 Tabung Pendidikan Koperasi Ladang telah mengeluarkan dermasiswa kepada 36 orang pemohon yang berjaya; jumlah pengeluaran dermasiswa adalah sebanyak RM36,000.



- 7.2 Dalam tahun 2023 Tabung Derma dan Pemberian Tertentu telah mengeluarkan sumbangan kepada 149 orang pemohon yang berjaya; jumlah pengeluaran sumbangan adalah sebanyak RM241,700.00.
- 7.3 Jumlah bayaran zakat perniagaan bagi tahun 2023, yang dibayar dalam tahun 2024, ialah sebanyak RM590,468.52.
- 7.4 Lembaga telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Medan, Indonesia daripada 28 Februari hingga 4 Mac 2023. Untuk membaca laporan lengkap, sila layari internet melalui pautan seperti berikut: -

[\(kata laluan ialah medan2023#\)](https://koperasi-ladang.com/wp-content/uploads/Medan_2023.pdf)

#### 8. KEANGGOTAAN

Jumlah keseluruhan anggota Koperasi kita pada 31 Disember 2023 ialah seramai 3,256 di mana seramai 27 orang anggota telah berhenti. Daripada 27 orang yang berhenti ini: -

- 8.1 1 orang anggota yang berhenti adalah merupakan pemindahan saham berjumlah RM1,071.38 kepada waris yang juga merupakan anggota dan;
- 8.2 Baki seramai 26 orang anggota lagi adalah merupakan pemberhentian bukan pemindahan saham yang melibatkan pengeluaran modal saham berjumlah RM65,501.22.

#### 9. ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (SESI 2023-2024)

Anggota Lembaga Koperasi kita yang telah berkhidmat bagi tempoh 31 Mei 2023 hingga 27 Jun 2024 seperti berikut: -

##### Kawasan

- |   |                     |
|---|---------------------|
| 9.1 Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli<br>(Pengerusi)    | - W.P. Kuala Lumpur |
| 9.2 Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris<br>(Setiausaha) | - Bebas             |



- |      |  |                   |
|------|--|-------------------|
| 9.3  | Tuan Haji Ahmad Ab. Majid (Bendahari)  | - Melaka          |
| 9.4  | Encik Jalil Ab Aziz                    | - Bebas           |
| 9.5  | Tuan Haji Rahim Haji Harun             | - Kedah           |
| 9.6  | Tuan Haji Hussein Haji Kasim           | - Bebas           |
| 9.7  | Tuan Haji Mohd Sahman Duriat           | - Selangor        |
| 9.8  | Tuan Haji Abd Samah Jamal              | - Negeri Sembilan |
| 9.9  | Encik Yusoff Azudin Maidin             | - Pulau Pinang    |
| 9.10 | Tuan Haji Mohamad Shariman Alang Ahmad | - Perak           |
| 9.11 | Puan Rokanah Sukrin                    | - Johor           |
| 9.12 | Encik Zulkifli Mahmood                 | - Kelantan        |
| 9.13 | Tuan Haji Mohamad Yusof Deraman        | - Terengganu      |
| 9.14 | Tuan Haji Mustaffa Ramli               | - Bebas           |
| 9.15 | Encik Ahmad Nizam Baharudin            | - Pahang          |
- 
10. ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA (SESI 2023-2024)
- Anggota Jawatankuasa Kerja kita di dalam tempoh 31 Mei 2023 hingga 27 Jun 2024 :-
- Kawasan
- |      |   |                     |
|------|---|---------------------|
| 10.1 | Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli<br>(Pengerusi)    | - W.P. Kuala Lumpur |
| 10.2 | Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris<br>(Setiausaha) | - Bebas             |
| 10.3 | Tuan Haji Ahmad Ab. Majid (Bendahari)                 | - Melaka            |
| 10.4 | Tuan Haji Mohd Sahman Duriat                          | - Selangor          |

10.5 Encik Yusoff Azudin Maidin - P.Pinang

## 11. PENGURUSAN DAN KAKI TANGAN-KAKI TANGAN

### 11.1 Pengurusan Kanan

- |    |                                |                        |
|----|--------------------------------|------------------------|
| a. | Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin | - Ketua Eksekutif      |
| b. | Encik Muhamad Shahriman Ramli  | - Naib Ketua Eksekutif |

### 11.2 Bahagian Pentadbiran

- |    |                                  |                      |
|----|----------------------------------|----------------------|
| a. | Encik Mazhan Othman Abdullah     | - Penolong Pengurus  |
| b. | Encik Nasrul Hadi Ab. Patah      | - Penolong Pengurus  |
| c. | Cik Siti Fatimah Ahmad           | - Kerani Pentadbiran |
| d. | Encik Khairul Izham Mohd Ariffin | - Kerani Pentadbiran |
| e. | Encik Mohd Aizat Kamaruddin      | - Kerani Pentadbiran |
| f. | Encik Zainolhazri Ismail         | - Pembantu Am        |
| g. | Encik Ismail Ya @ Zakaria        | - Pembantu Am        |

### 11.3 Bahagian Kewangan

- |    |  |                     |
|----|--|---------------------|
| a. | Encik Mazlan Abdul Samad               | - Pengurus          |
| b. | Puan Yeong Rubiyah Nor Yuop Khairudin  | - Penolong Pengurus |
| c. | Puan Norlyza Othman                    | - Eksekutif Akaun   |
| d. | Puan Norhayati Md Isa                  | - Eksekutif Akaun   |
| e. | Encik Muhammad Amirul Zharif Mohd Sani | - Kerani Akaun      |

### 11.4 Unit Pengurusan Risiko Dan Pematuhan

- |    |                                    |          |
|----|------------------------------------|----------|
| a. | Encik Muhammad Azfar Hakim Affandi | - Kerani |
|----|------------------------------------|----------|

### 11.5 Unit Hartanah Jentera Dan Tenaga Kerja

- |    |   |                |
|----|---|----------------|
| a. | Encik Afzanizam Ismail                  | - Pengurus     |
| b. | Encik Tengku Shahrulaffizee Tengku Aziz | - Eksekutif    |
| c. | Encik Mirza Syahmi Khalid               | - Kerani Akaun |
| d. | Encik Muhammad Amirullah Muhamad Nadzif | - Kerani       |

**11.6 Unit Input Pertanian**

- |    |  |                       |
|----|--|-----------------------|
| a. | Encik Mohd Khairul Ridzwan Mohd<br>Shahriri Wasi | - Pengurus            |
| b. | Encik Fataruzzaman Mohd Yusof                    | - Penolong Pengurus   |
| c. | Puan Zuraidah Zainal Badri                       | - Eksekutif Akaun     |
| d. | Encik Muhammad Hakim Hazlan                      | - Eksekutif Pemasaran |
| e. | Encik Muhamad Fahmi Husin                        | - Eksekutif Pemasaran |
| f. | Encik Mohd Nawawi Isa                            | - Eksekutif Pemasaran |
| g. | Puan Noorhamizah Roslan                          | - Kerani Akaun        |
| h. | Encik Muhammad Rizan Ismail                      | - Kerani Akaun        |
| i. | Encik Ismail Ibrahim                             | - Kerani Akaun        |
| j. | Encik Abdul Razzaq Abdul Rahman                  | - Kerani Akaun        |
| k. | Encik Shaiful Izhar Awang Kechil                 | - Kerani Akaun        |
| l. | Encik Ezwan Mohamad Zaid                         | - Pemandu             |
| m. | Encik Zaini Jibril                               | - Pemandu             |
| n. | Encik Mohd Affendi Muda                          | - Pemandu             |
| o. | Encik Muhammad Nur Afendi Adnan                  | - Pemandu             |

**11.7 Unit Operasi Dron**

- |    |                          |            |
|----|--------------------------|------------|
| a. | Encik Nor Adzuan Mohamad | - Pengurus |
|----|--------------------------|------------|

**11.8 Unit Projek-Projek Khas**

- |    |                                  |            |
|----|----------------------------------|------------|
| a. | Encik Jamel Hamzah Ab. Manan     | - Pengurus |
| b. | Encik Mohd Syafirul Ain Samsudin | - Teknikal |

**11.9 Ladang Sungai Ambat**

- |    |  |                     |
|----|--|---------------------|
| a. | Encik Mohd Rasyideen Norrni @ Norani         | - Pengurus          |
| b. | Encik Yusrihazim Rostam                      | - Penolong Pengurus |
| c. | Encik Muhammad Firdaus Mohd Nazir            | - Penolong Pengurus |
| d. | Puan Norliza Mat Ronan                       | - Ketua Kerani      |
| e. | Puan Suliana Selamat                         | - Kerani Akaun      |
| f. | Encik Muhamad Nazman Mansuri                 | - Kerani Akaun      |
| g. | Encik Muhammad Hafizzul Aziezam<br>Abd Hamid | - Kerani Stor       |
| h. | Puan Norharyati Sidak                        | - Kerani Am         |



i.	Encik Ahmad Fauzi Ibrahim	- Teknikal
j.	Encik Muhammad Norman Salim	- Teknikal
k.	Encik Mohamad Shuaib Mohamad Shariman	- Teknikal
l.	Encik Muhammad Amiruddin Mohd Yusof	- Teknikal
m.	Encik Mohd Mazli Sapuan	- Sokongan
n.	Encik Mohd Khairul Anizam Abdul Karim	- Sokongan
o.	Cik Meenarchy A/P Muniandy	- Sokongan

#### 11.10 Ladang Bukit Keramat

a.	Encik Muhammad Ariff Ismail	- Penolong Pengurus
b.	Encik Shamarol Izwan Safie	- Teknikal
c.	Puan Sarinah Sarponen	- Kerani Pentadbiran
d.	Encik Hasapawe Hamdan	- Sokongan

#### 11.11 Ladang Sejana

a.	Encik Salim Samsudin	- Teknikal
b.	Encik Zulkefli Ahmad	- Kerani Akaun
c.	Encik Mohd Sanusi Mohd Zin	- Pemandu

Nota : Unit Ternakan – dikawalselia oleh Encik Jamel Hamzah Ab. Manan.

### 12. MESYUARAT-MESYUARAT

#### 12.1 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi

<u>Tarikh</u>	<u>Perkara</u>	<u>Tempat</u>
27/02/2023	Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Ke-166	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.
16/03/2023	Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Ke-167	Balai Raya Ladang Sungai Ambat, Mersing.
17/04/2023	Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Ke-168	Century Pines Hotel Cameron Highlands.



31/05/2023	Mesyuarat Khas Anggota Lembaga Koperasi	Grand DarulMakmur Hotel, Kuantan.
29/08/2023	Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Ke-169	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.
30/10/2023	Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Ke-170	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.

#### 12.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja

<u>Tarikh</u>	<u>Perkara</u>	<u>Tempat</u>
25/01/2023	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ke-92	Sri Inai Inn, Gerik Hotel, Perak.
05/03/2023	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ke-93	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.
29/09/2023	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.
11/12/2023	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ke-94	Bilik Mesyuarat Koperasi Ladang Berhad.

#### 13. KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (2023)

<u>Bil</u>	<u>Nama Anggota Lembaga</u>	<u>Jumlah Kehadiran</u>
1.	Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli – Pengurus	6/6
2.	Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris – Setiausaha	6/6



3.	Tuan Haji Ahmad Ab. Majid - Bendahari	6/6
4.	Encik Jalil Ab. Aziz	6/6
5.	Tuan Haji Rahim Haji Harun	6/6
6.	Tuan Haji Hussein Haji Kasim	6/6
7.	Tuan Haji Mohd Sahman Duriat	6/6
8.	Tuan Haji Abd Samah Jamal	6/6
9.	Tuan Haji Mohamad Shariman Alang Ahmad	6/6
10.	Encik Yusoff Azudin Maidin	6/6
11.	Puan Rokanah Sukrin	6/6
12.	Encik Zulkifli Mahmood	6/6
13.	Tuan Haji Mohamad Yusof Deraman	6/6
14.	Tuan Haji Mustaffa Ramli	6/6
15.	Encik Ahmad Nizam Baharudin	6/6
14.	KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA (2023)	

<u>Bil</u>	<u>Nama Anggota Lembaga</u>	<u>Jumlah Kehadiran</u>
1.	Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli – Pengurus	4/4
2.	Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris – Setiausaha	3/4
3.	Tuan Haji Ahmad Ab. Majid – Bendahari	4/4
4.	Tuan Haji Mohd Sahman Duriat	3/4
5.	Encik Yusoff Azudin Maidin	4/4

15. KOMPOSISI ANGGOTA MENGIKUT BANGSA DAN JANTINA PADA 31/12/2023

BANGSA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	(%)	JUMLAH	(%)
Melayu	1,560	961	2,521	77.43	7,065,880.59	74.39
Cina	537	170	707	21.71	2,342,945.63	24.67
India	21	7	28	0.86	90,023.88	0.95
Jumlah	2,118	1,138	3,256	100	9,498,850.10	100

16. KOMPOSISI ANGGOTA MENGIKUT NEGERI PADA 31/12/2023

NEGERI	BIL	(%)	JUMLAH	(%)
Johor	1,340	41.15	3,814,098.20	40.15
Kedah	83	2.55	189,808.44	2.00
Kelantan	64	1.97	129,731.46	1.37
Kuala Lumpur	172	5.28	674,492.61	7.10
Melaka	128	3.93	384,428.80	4.05
Negeri Sembilan	350	10.75	1,048,621.37	11.04
Pahang	196	6.02	374,941.32	3.95
Perak	391	12.01	1,063,334.99	11.19
Pulau Pinang	93	2.86	275,405.19	2.90
Selangor	362	11.12	1,338,834.89	14.09
Terengganu	77	2.36	205,152.83	2.16
Jumlah	3,256	100	9,498,850.10	100

17. ANALISIS PEGANGAN SAHAM PADA 31/12/2023

PEGANGAN SAHAM	BIL	(%)	JUMLAH SAHAM
RM100 – RM500	406	12.47	143,851.58
RM501 – RM1,000	139	4.27	103,753.05
RM1,001 – RM2,000	626	19.23	964,937.28
RM2,001 – RM3,000	668	20.52	1,623,528.82
RM3,001 – RM4,000	948	29.12	3,648,937.02

RM4,001 - RM5,000	196	6.02	874,597.89
RM5,001 - RM10,000	247	7.59	1,650,674.94
RM10,001 – RM15,000	14	0.43	162,098.62
RM15,001 – RM20,000	4	0.12	68,270.43
RM20,001 ke atas	8	0.25	258,200.47
Jumlah	3,256	100	9,498,850.10

## 18. PENGHARGAAN

Lembaga ingin memberikan penghargaan kepada: -

- a. Suruhanjaya Koperasi Malaysia di atas nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan untuk memajukan Koperasi kita, dan
- b. Jawatankuasa Audit Dalaman yang telah memantau perjalanan Koperasi kita serta memberikan teguran yang bernes, dan
- c. Anggota-anggota yang telah memberikan kepercayaan kepada Lembaga untuk membangunkan Koperasi kita, dan
- d. Rakan-rakan niaga Koperasi kita.



# **LAPORAN AKAUN BERAUDIT KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2023**



---

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

---

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO. (AF 0699)**  
(Member firm of AKH & PARTNERS PLT)  
[www.akhpartnersplt.com.my](http://www.akhpartnersplt.com.my)

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)**

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi Anggota Lembaga Koperasi

**17 APR 2024**

---

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.**  
**Akauntan-akauntan Bertauliah (Malaysia)**

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**  
**MAKLUMAT KORPORAT**

**ALAMAT BERDAFTAR**

2-5-14, Prima Peninsula  
Jalan Setiawangsa 11  
Taman Setiawangsa  
54200 Kuala Lumpur

**ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Haji Mohd Damanhuri Bin Mohd Jamli	Pengerusi
Mohd Syahrullaizam Bin Mohamad Aris	Setiausaha
Haji Ahmad Bin Ab. Majid	Bendahari
Mohd Sahman Bin Duriat	Anggota Lembaga
Haji Abd Samah Bin Jamal	
Haji Hussein Bin Kasim	
Haji Mohamad Shariman Bin Alang Ahmad	
Haji Mohammad Yusof Bin Deraman	
Haji Mustaffa Bin Ramli	
Haji Rahim Bin Haji Harun	
Jalil Bin Ab Aziz	
Rokanah Binti Sukrin	
Yusoff Azudin Bin Maidin	
Zulkifli Bin Mahmood	
Ahmad Nizam Bin Baharudin	(Dilantik pada 16/3/2023)
Haji Mohd Amin Bin Dollah	(Meninggal dunia pada 2/2/2023)

**JAWATANKUASA AUDIT DALAM**

Haji Muhamad Jusri Bin Abd Aziz	
Md. Zabidi Bin Ab Majid	
Mustaffa Bin Singah	(Telah menamatkan perkhidmatan pada 30/10/2023)
Mohamad Zin Bin Adam	(Dilantik pada 1/11/2023)

**JURUAUDIT BEBAS**

Atarek Kamil Ibrahim & Co.

**BANK-BANK UTAMA**

Malayan Banking Berhad  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad  
CIMB Bank Berhad  
Agrobank Berhad  
MBSB Bank Berhad  
Bank Muamalat Malaysia Berhad

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**  
**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) perolehan Koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian luarbiasa;
- b) bagi tahun kewangan ini, Koperasi telah membayar dividen sebanyak 50% atas modal saham berjumlah RM4,719,809 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Koperasi juga mencadangkan dividen sebanyak 20% iaitu RM1,683,330 atas baki modal saham anggota pada 30 Jun 2023, tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- c) Koperasi memperuntukkan bayaran honorarium anggota lembaga sebanyak RM150,000 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
- d) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;
- e) tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjelaskan keupayaan koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;
- f) dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang pindaan penting dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan;
- g) aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan koperasi secara urusan perniagaan biasa; dan
- h) dalam tahun kewangan ini, pembahagian-pembahagian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Honorarium anggota lembaga	150,000
Faedah persaraan anggota lembaga	18,000
Tabung Derma dan Pemberian	100,000
	<hr/> <hr/> <b>268,000</b>

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**  
**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**  
**(SAMBUNGAN)**

Kami, bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59 (3) Akta Koperasi 1993.

---

**HAJI MOHD DAMANHURI BIN**

**MOHD JAMLI**

Pengerusi

---

**MOHD SYAHRULLAIZAM BIN**

**MOHAMAD ARIS**

Setiausaha

---

**HAJI AHMAD BIN**

**AB. MAJID**

Bendahari

Tarikh : 17 APR 2024

Kuala Lumpur.

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KOPERASI LADANG BERHAD

**Kepada:**  
**Ketua Pendaftar Koperasi**  
**Anggota-anggota Koperasi Ladang Berhad**

### Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

#### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Ladang Berhad**, yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2023, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, Penyata Perubahan Kumpulan Wang Anggota dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 10 hingga 70 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan di Malaysia serta menurut Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

#### Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

#### Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Koperasi menurut By-Laws (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) oleh Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (*including International Independence Standards*) ("IESBA Code"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut By-Laws dan IESBA Code.

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO. (AAL 0024)**  
(MEMBER FIRM OF AKH & PARTNERS PLT)

Head Office : No. 30-8 & 30-8-1, Binjai 8 Premium Soho, No. 2, Lorong Binjai, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.  
T : +603 2181 7906 E : info@atarekaudit.com.my W : www.akhpartnerspl.com.my

Branch Office :

IPOH, PERAK - AYER KEROH, MELAKA - KUALA TERENGGANU, TERENGGANU - KOTA BHARU, KELANTAN



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KOPERASI LADANG BERHAD  
(SAMBUNGAN)**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi ini tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan melaluinya, mempertimbangkannya sama ada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi sama ada berniat untuk membubarkan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KOPERASI LADANG BERHAD  
(SAMBUNGAN)**

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah tentang penyata kewangan Koperasi secara keseluruhan, adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesahkan sesuatu salah nyata yang ketara apabila wujud. Salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesahkan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Anggota Lembaga Koperasi.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KOPERASI LADANG BERHAD  
(SAMBUNGAN)**

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Penyata Kewangan (Sambungan)**

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidaktentuan yang ketara, kami dikehendaki untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk mencapai persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain, skop dan jangkamasa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain**

Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:


- (a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993,
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2023, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi, dan
- (c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KOPERASI LADANG BERHAD  
(SAMBUNGAN)**

**Lain-lain Perkara**

Laporan ini disediakan hanya kepada Anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

*Atarek Kamil Ibrahim & Co.*  
ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.  
AF0699  
Akauntan-Akauntan Bertauliah



AZHAN BIN ABU BAKAR  
No. Kelulusan : SKM(B)0485  
Akauntan Bertauliah

Tarikh: **17 APR 2024**  
Kuala Lumpur

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**KUNCI KIRA-KIRA**  
**PADA 31 DISEMBER 2023**

<b>KOD</b>	<b>NOTA</b>	<b>2023</b>		<b>2022</b>		
		<b>RM</b>		<b>RM</b>		
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>						
<b>Hartanah, Loji dan Peralatan</b>						
1007/000	Hartanah pajakan	5	44,607,492	44,615,286		
1008/000	Binaan	5	2,522,959	2,291,270		
1009/000	Mesin dan jentera	5	887,066	1,160,718		
1011/000	Kenderaan	5	1,847,988	2,015,559		
1013/000	Alat penghawa dingin	5	3,256	229		
1015/000	Peralatan	5	711,814	590,012		
1017/000	Perabot dan kelengkapan	5	14,946	20,726		
1021/000	Ubahsuai	5	376,451	429,207		
			50,971,972	51,123,007		
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>						
			<b>72,687,403</b>	<b>70,128,443</b>		
<b>ASET SEMASA</b>						
2010/000	Inventori	12	5,379,554	7,725,427		
2200/000	Penghutang perniagaan	13	11,568,154	20,229,323		
2400/000	Pelbagai penghutang dan deposit	14	4,286,101	2,854,283		
2009/000	Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	15	9,000,320	13,000,365		
2008/000	Simpanan tetap	16	-	4,500,000		
2006/000	Wang di bank	17	10,080,141	13,714,115		
2005/000	Wang di tangan	17	7,350	6,927		
	<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>40,321,620</b>	<b>62,030,440</b>		
<b>JUMLAH ASET</b>						
			<b>113,009,023</b>	<b>132,158,883</b>		

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**KUNCI KIRA-KIRA**  
**PADA 31 DISEMBER 2023**  
**(SAMBUNGAN)**

<b>KOD</b>	<b>NOTA</b>	<b>2023</b>		<b>2022</b>	
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:-</b>					
4100/000	Modal saham anggota	18	9,498,850	9,473,257	
4200/000	Akaun rizab modal	19	44,772,582	44,772,582	
4150/000	Akaun syer ditebus	20	535,003	535,003	
4300/000	Akaun rizab nilai saksama	21	69,832	-	
4701/000	Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung	22	708,720	892,920	
4800/000	Keuntungan terkumpul		23,084,590	22,693,719	
KUMPULAN WANG ANGGOTA			78,669,577	78,367,481	
4900/000	Kumpulan Wang Rizab Statutori	23	22,008,822	21,972,527	
4910/000	Kumpulan wang / tabung bukan anggota	24	318,000	300,000	
4940/002	Geran/bantuan	25	-	-	
			22,326,822	22,272,527	
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
3810/000	Pinjaman SKM	26	3,600,245	3,810,260	
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA			3,600,245	3,810,260	
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
3200/000	Pemutang perniagaan	27	1,990,642	15,222,501	
3600/000	Pelbagai pemutang dan akruan	28	4,379,412	6,867,686	
3704/000	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	29	72,591	342,864	
3705/000	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	30	36,295	171,432	
3700/000	Dividen dicadangkan	31	1,683,330	4,768,636	
3810/000	Pinjaman SKM	26	198,342	186,669	
3890/000	Wakalah zakat	32	51,767	148,827	
JUMLAH LIABILITI SEMASA			8,412,379	27,708,615	
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>			<b>113,009,023</b>	<b>132,158,883</b>	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Nota			2023	2022
			RM	RM
<b>KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA</b>			3,266,920	17,143,162
9200/000 Tambah : Pelarasan Operasi			362,621	-
			<hr/>	<hr/>
			3,629,541	17,143,162
<b>TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN</b>				
9400/001 Kumpulan Wang Rizab Statutori 1% (2022 : 22%)	23	36,295	3,771,496	
9400/011 Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2%	29	72,591	342,864	
9400/012 Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1%	30	36,295	171,432	
		145,181	4,285,792	
<b>KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN</b>			<hr/>	<hr/>
			3,484,360	12,857,370
<b>TOLAK:</b>				
9501/121 Cukai tahun semasa		-	1,433,000	
9501/131 Zakat perniagaan		730,828	791,748	
			<hr/>	<hr/>
<b>TOLAK: PEMBAHAGIAN LAIN</b>				
9601/101 Dividen atas modal saham 20% (2022: 50%)	31	1,683,330	4,719,809	
9601/052 Tabung Pendidikan	22	-	100,000	
9601/053 Tabung Derma dan Pemberian Tertentu	22	100,000	1,959,000	
9601/301 Honorarium anggota lembaga		150,000	150,000	
9601/501 Faedah persaraan kakitangan	24	-	413,334	
9601/502 Faedah persaraan ALK		18,000	-	
		2,682,158	9,566,891	
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan			<hr/>	<hr/>
			802,202	3,290,479
<b>TOLAK : PELARASAN BUKAN OPERASI</b>				
9601/301 Honorarium anggota lembaga terlebih peruntuk		-	50,000	
9801/101 Dividen terlebih peruntuk (tahun 2022)		15,368	-	
9801/121 Cukai terkurang peruntuk (tahun 2022)		(426,699)	-	
		(411,331)	50,000	
Baki Keuntungan Selepas Pembahagian			<hr/>	<hr/>
			390,871	3,340,479
4800/000 Keuntungan terkumpul pada awal tahun			<hr/>	<hr/>
			22,693,719	19,353,240
Keuntungan terkumpul pada akhir tahun			<hr/>	<hr/>
			23,084,590	22,693,719

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**AKAUN UNTUNG RUGI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	NOTA	2023	2022	
		RM	RM	
<b>PENDAPATAN</b>				
<b>Pendapatan daripada aktiviti:</b>				
5107/000	Perladangan	33	38,049,115	
5001/801	Ternakan	34	2,555,186	
5001/000	Aktiviti pengguna (Input Pertanian)	35	44,006,959	
5001/701	Tapak semaian	36	294,301	
5104/000	Hartanah	37	505,719	
5012/000	Operasi dron	38	176,108	
5000/000	Projek padi	39	-	
			85,587,388	
			101,279,877	
<b>Pelbagai pendapatan:</b>				
5100/000	Komisen diterima	48	136,111	
5103/000	Dividen diterima	11,348	14,431	
5109/000	Yuran pengurusan	-	46,307	
5102/000	Faedah diterima	247,198	195,848	
5106/001	Keuntungan pelupusan aset tetap	150,100	38,000	
5108/000	Yuran keanggotaan	4,500	3,650	
5111/000	Lain-lain pendapatan	119,600	163,263	
5450/001	Tambahnilai saham siarharga	-	1,424	
		532,794	599,034	
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>				
		86,120,182	101,878,911	
<b>PERBELANJAAN</b>				
<b>Kos jualan/kos aktiviti:</b>				
7600/000	Perladangan	40	28,032,102	
8001/801	Ternakan	41	4,739,836	
8001/000	Aktiviti pengguna (Input Pertanian)	42	42,385,048	
8001/701	Tapak semaian	43	292,609	
8001/000	Hartanah	44	585,609	
8012/000	Operasi dron	45	242,411	
8001/000	Projek padi	46	-	
			76,277,615	
			75,731,932	

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**AKAUN UNTUNG RUGI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**  
**(SAMBUNGAN)**

	NOTA	2023	2022
		RM	RM
<b>Perbelanjaan am:</b>			
6500/007 Yuran audit		18,000	18,000
6500/008 Yuran cukai		5,500	6,620
6111/000 Perbelanjaan anggota lembaga	47	754,581	903,201
6400/000 Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		1,048,132	989,568
		1,826,213	1,917,389
<b>Pelbagai Perbelanjaan:</b>			
6500/000 Bayaran profesional		133,669	95,363
6100/000 Gaji dan emolumen		2,519,756	3,516,154
6101/000 KWSP, PERKESO dan SIP		434,964	597,927
6102/000 Elaun-elaun tugas luar kakitangan		102,129	117,990
6103/000 Lain-lain faedah kakitangan		200,488	139,882
6200/000 Penyelenggaraan harta tanah, loji dan peralatan		198,984	1,194,596
6303/000 Keselamatan		50	6,637
6600/000 Pentadbiran pejabat		938,770	969,878
6840/000 Pembayaran bantuan kepada anggota		-	500
6820/000 Perbelanjaan juruaudit dalam		56,703	59,458
6130/000 Perbelanjaan mesyuarat kawasan		-	217,776
6140/000 Perbelanjaan mesyuarat agung		126,420	119,952
6830/000 Imbuhan semula perbelanjaan anggota		-	1,644
8300/000 Faedah diberi		1,035	192
6511/000 Bayaran levi (HRD Corp)		19,063	15,292
6710/000 Perbelanjaan harta tetap		17,403	15,226
8403/001 Hapuskira aset/hutang/deposit		-	17,961
		4,749,434	7,086,428
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>82,853,262</b>	<b>84,735,749</b>
<b>KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA</b>		<b>3,266,920</b>	<b>17,143,162</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG ANGGOTA**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	<b>Modal Saham Anggota</b>	<b>Akaun Rizab Modal</b>	<b>Akaun Syer Ditebus</b>	<b>Akaun Rizab Nilai Saksama</b>	<b>Lain-Lain Kumpulan Wang/Tabung</b>	<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>2022</b>							
Pada 1 Januari 2022	9,081,230	44,772,582	535,003	-	422,420	19,353,240	74,164,475
Pergerakan dalam tahun semasa	392,027	-	-	-	470,500	-	862,527
Keuntungan selepas pembahagian	-	-	-	-	-	3,340,479	3,340,479
Pada 31 Disember 2022	<b>9,473,257</b>	<b>44,772,582</b>	<b>535,003</b>	<b>-</b>	<b>892,920</b>	<b>22,693,719</b>	<b>78,367,481</b>
<b>2023</b>							
Pada 1 Januari 2023	9,473,257	44,772,582	535,003	-	892,920	22,693,719	78,367,481
Pergerakan dalam tahun semasa	25,593	-	-	69,832	(184,200)	-	(88,775)
Keuntungan selepas pembahagian	-	-	-	-	-	390,871	390,871
Pada 31 Disember 2023	<b>9,498,850</b>	<b>44,772,582</b>	<b>535,003</b>	<b>69,832</b>	<b>708,720</b>	<b>23,084,590</b>	<b>78,669,577</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>			
Keuntungan sebelum pembahagian dan cukai		3,266,920	17,143,162
Pelarasan:			
Hapuskira aset / hutang / deposit		-	17,963
Pelunasan aset biologi	6	1,177,458	1,340,470
Pelunasan tapak dan infra	9	2,168	2,169
Pendapatan dividen		(11,348)	-
Pendapatan faedah		(247,198)	-
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	5	2,161,144	2,015,066
Untung dari pelupusan harta tetap		(189,400)	(135,000)
<b>Keuntungan daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja</b>		<b>6,159,744</b>	<b>20,383,830</b>
Kurangan/(tambahan) inventori		2,345,873	(3,314,696)
Kurangan/(tambahan) penghutang dan pelbagai penghutang		7,229,351	(17,500,014)
(Kurangan)/tambahan pembiutang dan pelbagai pembiutang		(15,340,422)	9,594,624
Zakat wakalah		(97,060)	(148,404)
<b>Tunai dihasilkan dari aktiviti operasi</b>		<b>297,486</b>	<b>9,015,340</b>
Dividen diterima		11,348	-
Faedah diterima		247,198	-
Pembayaran Cukai		(426,699)	(1,433,000)
Zakat		(730,828)	(791,748)
<b>Tunai bersih (digunakan untuk)/dihasilkan dari aktiviti operasi</b>		<b>(601,495)</b>	<b>6,790,592</b>
<b>ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN</b>			
Akaun deposit koperasi	11	(3,771,496)	(3,862,107)
Honorarium anggota lembaga		(150,000)	(200,000)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	30	(171,432)	(175,551)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	29	(342,864)	(351,101)
<b>Tunai (digunakan untuk)/dihasilkan dari bayaran berkanun dan agihan</b>		<b>(5,037,287)</b>	<b>2,201,833</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

**KOPERASI LADANG BERHAD**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**  
**(SAMBUNGAN)**

NOTA	<b>2023</b>		<b>2022</b>	
	RM		RM	
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	5	(2,010,109)	(3,529,818)	
Hasil pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		189,400	-	
Tambahan aset/geran bantuan	7	10,704	10,710	
Penambahan aset biologi	6	(564,434)	(688,551)	
Tambahan/(kurangan) penambahan projek dalam perlaksanaan		505,437	(848,010)	
Penambahan saham baru		-	(1,425)	
<b>Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan</b>		<b>(1,869,002)</b>	<b>(5,057,094)</b>	
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Dividen		(4,770,358)	(3,314,440)	
Kumpulan Wang Tabung bukan anggota		-	(113,335)	
Geran dibelanjakan		-	(2,949)	
Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung		(284,200)	(1,488,500)	
Modal saham anggota bersih		25,593	392,027	
Pembayaran pinjaman		(198,342)	(202,227)	
<b>Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan</b>		<b>(5,227,307)</b>	<b>(4,729,424)</b>	
